

| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN |
| Date | 23 JAN 2015 |

'Cerita menarik' Malaysia

» Najib pelawa syarikat mega dunia teroka pasaran kita

Ahmad Zaini
Kamaruzzaman
madzaini@bh.com.my
Davos, Switzerland



Dalam cuaca sejuk negatif satu darjah Celsius di bandar perangan ini, Datuk Seri Najib Razak semalun mengajak ketua syarikat multinasional dunia yang menghadiri Forum Ekonomi Dunia (WEF), melabur di Malaysia.

Pada majlis jamuan tengah hari bersama 55 ketua pegawai eksekutif dan pengerusi syarikat antarabangsa, Perdana Menteri berkata, Malaysia mempunyai 'cerita menarik' untuk pelaburan walaupun kini menghadapi cabaran ekonomi.

Beliau mengakui tahun 2015 amat mencabar akibat kejatuhan harga minyak yang memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi.

Namun, katanya, Malaysia tidak menghadapi krisis, sebaliknya mengambil langkah responsif mengembangkan ekonomi dan sentiasa bertindak mengikut perkembangan ekonomi semasa.

Buktinya, menurut Perdana Menteri, minggu lepas beliau mengumumkan penstrukturan semula defisit fiskal dan

jumlah perbelanjaan negara sebagai penyesuaian dengan perubahan ekonomi global.

Yakin dengan perubahan "Kita bersedia untuk berdiri kukuh ketika cabaran ekonomi global. Kita membuat perubahan ke arah yang tepat serta yakin dan realistik," katanya.

Antara ketua syarikat yang hadir ialah konglomerat General Electrics, Barclays, Bata, Huawei, Lippo Group, Hyatt Hotel, Mitsui, Mitsubishi, Tech Mahendra dan Emst & Young.

Syarikat tempatan pula antaranya ialah Axiata, Kumpulan UEM, AirAsia dan CIMB Group Holdings.

Perdana Menteri juga berkata, dengan asas ekonomi yang kukuh, pasaran akan berubah dan Malaysia mampu

mengharungi cabaran ekonomi ini serta kekal kompetitif.

"Malaysia ada cerita menarik untuk melabur. Syarikat Huawei dari China melabur RM120 juta di Iskandar Malaysia dan banyak lagi yang opUmis prospek pelaburan di Malaysia," katanya.

Najib juga berkata, kedudukan Malaysia di tengah ASEAN memberi kelebihan selain ke-

pelbagaian yang ditawarkan oleh negara.

Mengenai ASEAN, katanya, sebagai pengerusi pertubuhan serantau itu, wilayah berkenaan mempunyai kelebihan dengan 620 juta populasi dan pasaran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencecah AS\$4 trilion atau kira-kira RM14 trilion.

Perbincangan dua hala Sementara itu, Najib mengadakan perbincangan dua hala dengan Perdana Menteri Belanda, Mark Rutte, semalam.

"Pertemuan produktif ini antara lain membincangkan pelbagai isu perjanjian dua hala antara Malaysia dan Belanda, selain berkaitan (pesawat) Penerbangan Malaysia (MAS) MH17," katanya menerusi mesej Twitter, malam tadi.

U
Kita bersedia untuk berdiri kukuh ketika cabaran ekonomi global"

*Najib Razak,
Perdana Menteri*